

SOALAN NO: 38

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [Bukit Bintang]
TARIKH : SELASA, 6 MAC 2018
RUJUKAN : L2 [PR-1361-L04494]
SOALAN : 38

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan apakah sebab Kerajaan dan DBKL gagal mendidik sikap buruk para penghuni rumah pangsa dan PPR supaya berdisiplin dan berakhlak baik berikutan kejadian-kejadian membuang objek keras dan sampah-sarap dari tingkat atas yang menyebabkan kematian dan kecederaan yang berulang dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, Kementerian ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak gagal dalam mendidik sikap buruk penghuni yang mendiami rumah pangsa Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Bagi mencapai tahap keselamatan yang berkualiti, pelbagai pelan tindakan berbentuk kerjasama serta program telah diadakan setiap tahun dengan penglibatan pelbagai pihak seperti:

- (i) melantik Ketua Blok serta ketua Tingkat; dan
- (ii) kerjasama dengan Persatuan Penduduk, NGO dan agensi-agensinya kerajaan seperti BOMBA, JKM, PEMADAM, AADK, PDRM dan lain-lain.

Pada tahun 2017, sebanyak 54 program telah dilaksanakan di bawah penganjuran DBKL yang meliputi program iaitu:

- (i) Program kependidikan, riadah dan pembentukan akhlak;
- (ii) Program keagamaan/perayaan;
- (iii) Program remaja/lbu tunggal/ OKU/Warga Emas; dan
- (iv) Program kepada Persatuan Penduduk/Ketua Blok/Ketua Tingkat

Dengan pendekatan ini, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berharap agar fungsi dan

tanggungjawab penghuni dapat direalisasikan sepenuhnya di masa akan datang.

Sebagai langkah awal, taklimat berkaitan tanggungjawab penghuni, tatacara hidup menghuni, penerangan mengenai syarat-syarat menyewa diberikan kepada penghuni yang berjaya mendapat tawaran baru. Pendekatan ini lebih praktikal sebagai pencegahan awal.

Selain dari itu, peranan Persatuan Penduduk adalah menjadi kewajipan bagi setiap perumahan PA/PPR DBKL dalam membantu pihak pengurusan DBKL mendekati permasalahan / isu / masalah dan lain-lain perkara. Pada masa yang sama, Persatuan Penduduk bersama-sama DBKL merancang, menyelaraskan pelbagai program dan aktiviti bersama penduduk.

Persatuan Penduduk di PA/PPR sentiasa memberikan kerjasama yang terbaik kepada pihak DBKL dalam usaha memastikan kesinambungan slogan "Syurgaku Rumahku" dapat di rasai oleh setiap penghuni. Konsep kerjasama ini terjalin menerusi pertemuan secara berkala dalam sesi mesyuarat, program dan lain-lain yang berkaitan.

Walau bagaimana pun, DBKL akan mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas membatalkan perjanjian penyewaan jika terbukti melanggar Undang-Undang Kecil Perumahan dan juga syarat-syarat penyewaan.